



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Rajin dalam Setiap Pekerjaan

Nilai Teras: Bertanggungjawab

Masa: 1 jam

SK: 2.3 Jihad dalam Islam

SP: 2.3.4 Menyatakan maksud jihad dan hukumnya.
2.3.5 Menjelaskan jenis-jenis jihad dan keutamaannya.
2.3.6 Menerangkan kelebihan jihad.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan kepentingan rajin dalam setiap pekerjaan.
2. Menghuraikan kepentingan pendidikan sepanjang hayat.
3. Mengamalkan sikap rajin dalam setiap pekerjaan.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Maksud jihad ilmu.
 - Kumpulan 2: Kepentingan jihad ilmu.
 - Kumpulan 3: Kepentingan kerajinan dalam jihad ilmu.
 - Kumpulan 4: Cara mengamalkan sikap rajin dalam jihad ilmu.
2. Murid perlu menyediakan bahan pembentangan untuk dibentangkan di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Guru meletakkan keratan isi penting tentang cara mengamalkan sikap rajin dalam jihad ilmu di meja guru berserta lembaran peta minda.
2. Murid dikehendaki memilih keratan yang betul dan sesuai dengan peta minda yang diberi.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Guru mengedarkan isi penting berkaitan topik 'Hikmah Sikap Rajin dalam Jihad Ilmu' kepada setiap kumpulan.
2. Setiap ahli dalam kumpulan perlu bersama-sama merancang sebuah syarahan spontan berdasarkan isi yang telah diberikan.
3. Wakil setiap kumpulan akan tampil ke hadapan untuk menyampaikan syarahan.
4. Kumpulan lain dikehendaki memberikan penilaian dan guru membuat kesimpulan.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)